

06 SEP 2002

MAHATHIR-CYBERJAYA/I

KERAJAAN MAHU JADIKAN CYBERJAYA BANDAR MESRA PERNIAGAAN

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Kerajaan mahu menjadikan Cyberjaya sebagai tempat yang mesra perniagaan bagi setiap syarikat agar mereka dapat beroperasi dengan jayanya di bandar pintar utama negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata kerajaan bersedia untuk mendengar sebarang cadangan atau aduan bagi kebaikan Cyberjaya.

"Kami mahu setiap perniagaan di sini berjaya. Kami sentiasa bersedia mendengar apa juga masalah mereka. Bukan hanya ketika dialog Belanjawan tahunan, tetapi pada bila-bila masa sahaja.

"Sekiranya anda ada sebarang aduan atau cadangan, kami akan mendengarnya dan kami akan lihat sama ada kami boleh berbuat sesuatu dengannya," katanya ketika melancarkan kemudahan Perkhidmatan Maklumat DHL Asia-Pasifik (DHL APIS), di sini, hari ini.

Kemudahan DHL APIS yang bernilai RM200 juta itu merupakan satu daripada tiga pusat Perkhidmatan Maklumat (IS) global strategik bagi DHL Worldwide Express.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu menyediakan persekitaran yang baik bagi perniagaan yang beroperasi di Cyberjaya di mana saintis, usahawan dan pereka boleh bertemu pada bila-bila masa dalam suasana serasi.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan telah menyediakan prasarana, undang-undang siber, dasar-dasar dan amalan yang diperlukan di Cyberjaya.

Beliau berharap prasarana sedia ada ketika ini mencukupi bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di sana tetapi menegaskan bahawa kerajaan akan terus menambah baik prasarana itu agar Cyberjaya berupaya menyediakan perkhidmatan lebih baik berbanding tempat lain seumpamanya di dunia.

Menyingkap kembali ketika Cyberjaya dicadangkan dahulu Dr Mahathir berkata terdapat kecurigaan terhadap projek itu.

Bagaimanapun projek itu kini telah menjadi satu realiti dan sedang berkembang pesat, katanya.

Ini, katanya, dicerminkan bukan semata-mata dengan kewujudan struktur bangunan fizikal tetapi juga kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam bangunan tersebut.

Dr Mahathir berkata antara kegiatan yang dijalankan di Cyberjaya termasuklah aplikasi teknologi maklumat (IT) yang sangat canggih di mana sebahagian daripadanya adalah inisiatif "pertama dunia".

Beliau juga mendedahkan bahawa terdapat rakyat Malaysia sendiri yang mampu mereka dan menghasilkan perisian.

Dr Mahathir berkata beliau juga dimaklumkan bahawa banyak syarikat yang telah berpindah ke Cyberjaya melahirkan hasrat mereka untuk mendapatkan ruang perniagaan yang lebih besar.

Terdahulu, Dr Mahathir telah melancarkan Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Pusat Bagi Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (CHIME).

Pusat Aplikasi Perdana MSC terdiri daripada Makmal MSC dan Pusat Aplikasi dan Pembangunan Kreatif (CADK).

CHIME, pusat kecemerlangan bagi inovasi tele-kesihatan boleh menempatkan antara enam hingga lapan perusahaan penjagaan kesihatan.

--BERNAMA

LES MAD SHY ZK